



## **Penghargaan**

Alhamdulillah syukur saya kehadiran allah kerana dengan berkat kurnianya dapat saya menyiapkan tugas ini pada waktunya.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada kedua ibubapa dan keluarga dikampung yang banyak memberikan sokomgam dan dorongan sepanjang usaha saya ini. Tidak lupa juga buat teman-teman seperjuangan atas sokongan kalian.

Berbekalkan semangat dan azam yang kuat dalam mengarungi cabaran dan dugaan, kini terhasilah tesis ini bagi melengkapkan kursus yang di ambil. Di sini ingin saya merakamkan penghargaan kepada individu-individu dan pihak yang terlibat dibawah yang banyak memberikan pertolongan dalam usaha saya.

## **Sinopsis**

Adalah menjadi suatu kebiasaan kita mendengar juga membaca setiap pujian dan kritikan terhadap dunia muzik tempatan samada di radio mahupun di akhbar-akhbar. Bagaimana jatuh bangunnya penyanyi berkumpulan mahupun solo di dalam arena muzik tanahair juga dipaparkan dengan publisiti yang meluas.

Kita juga didedahkan tentang anugerah emas,platinum dan sebagainya kepada penyanyi dan kumpulan yang berjaya mencatatkan jualan album yang tertinggi. Tapi terlintaskah satu soalan dikotak fikiran kita apakah faktor-faktor yang mendorong jualan yang dicatatkan di pasaran.

Memang tidak dinafikan sebab utamanya adalah penyanyi atau kumpulan itu sendiri,semakin ramai peminat maka semakin tinggilah jualannya. Faktor yang kedua adalah muzik dan lagu yang terdapat didalam album tersebut berjaya menambat hati masyarakat pendengar. Tapi terfikirkah kita bahawa rekabentuk kulit album juga ada peranannya yang tersendiri dalam penjualan album.

Isi Kandungan.

Muka Surat

Bab 1.	Muzik Jazz.	1-9
1.1.	Sejarah awal dan perkembangan muzik jazz.	
1.2.	Alat-alat muzik didalam persembahan Jazz.	
1.3.	Jenis - jenis Jazz dan perkembangannya	
1.4	Sejarah Jazz di Malaysia	
Bab 2.	Sejarah dan perkembangan album.	10-30
2.1.	Piring hitam melayu awal .	
2.2.	Definasi kulit album.	
2.3.	Perkembangan rekabentuk album tempatan.	
2.4.	Perkembangan rekabentuk album di Barat.	
Bab 3.	Proses penghasilan kulit album	31-56
3.1	Penghasilan dan proses mereka bentuk kulit album	
3.2	Percetakan	
Bab 4.	Pemasalahan dan penyelesaian	57-69
4.1	Cetak rompak	
4.2	Penyelesaian. (Hak cipta)	
4.3	Kesan kulit album Jazz di dalam dunia muzik.	
Bab 5.	Kajian kes	70-80
5.1	Contoh 1	
5.2	Contoh 2	
Rumusan dan cadangan.		81-84
Bibliografi		
Sisipan.		

## **Sejarah awal dan perkembangan muzik Jazz**

Jazz adalah aliran muzik yang luas yang berasal dari Amerika. Muzik Jazz ini sebenarnya dibawa oleh orang-orang Negro dari Afrika yang datang berhijrah ke Amerika dan sekaligus mempopularkannya. Jadi tidak mustahil mengapa Jazz juga dikatakan sebagai 'Black Music'.

Walaupun pada asasnya ia hanya dimainkan oleh orang kulit hitam dan hanya di bandar, Jazz juga dimainkan oleh semua bangsa di semua tempat termasuk di kawasan luar bandar. Pada mulanya Jazz merupakan satu jenis muzik yang selalu dimainkan di gereja-gereja oleh golongan kulit hitam ini. Selepas dari itu barulah ianya dikembangkan dan dimainkan di tempat-tempat terbuka dan khususnya di dalam pertunjukkan, perayaan dan sebagainya.

Elemen yang penting dalam Jazz ialah pembaharuan. Ini bermakna setiap persembahan mestilah satu gubahan yang asli dan spontan. Walau bagaimanapun, untuk membuat pembaharuan bukanlah senang kerana ia memerlukan bakat yang tinggi.